

# Momogunsia anjur SPES2.0, randau sastera dan malam apresiasi

Oleh Abd Naddin Hj Shaiddin  
 UB 16.11.2019 17  
 WALAUPUN hujan turun dengan lebat, pada petang dan malamnya, Seminar Penulis Etnik Serantau 2 (SPES2.0), Randau Sastera Sabah dan dan Malam Apresiasi Sastera Sabah yang dianjurkan sempena Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan di Rumah Pangi, Sabandar Tuanan tetap berjalan dengan lancar.

Kira-kira 150 peserta hadir dalam tiga program itu, yang turut dihadiri tokoh-tokoh sastera dari Sabah, Kalimantan dan Negara Brunei Darussalam.



RASMI: Gimik majlis perasmian Seminar Sastera Etnik Serantau 2.0.



HORMAT: Dr Raymond Majumah, Datuk Haji Ismaily Bungsu, Datuk Wilfred Madius Tangau, Puan Aminah Awang Basar dan Prof Madya Dr Ramzah Dambul menyanyikan lagu Negaraku dan Sabah Tanah Airku sebelum majlis perasmian.

Dalam sesi Seminar Penulis Etnik Serantau 2 (SPES2.0), penulisan yang berkait etnik dalam 3 negara di Borneo dapat diringkai dari segi persamaan budaya cara hidup. Selain itu, penulisan yang berkaitan dengan etnik di tiga negara berkenaan diulas dalam seminar itu.

Antara pembentang makalah dalam majlis itu ialah Haji Gazali Suhaili dari Sabah, Malaysia, Dr Wilson M. Th dari Palangkaraya, Kalimantan Tengah dan Dr

Chong Ah Fook dari Negara Brunei Darussalam.

Sementara dalam acara Randau Sastera Sabah, tokoh-tokoh seperti penulis dan wartawan Sabah seperti Abd Naddin Shaiddin dari Utusan Borneo, Drs Henry Bating dari UMS Labuan, Ruhaini Matdarin, pemenang Hadiah Sastera Perdana turut mendiskusikan situasi dan cabaran sastera mutakhir Sastera Sabah. Majlis yang dipengerusikan Puan Hajah Kasima Salinri

mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sementara itu, Prof Dr Ramzah Dambul, Dr Raymond Majumah dan Puan Aminah Awang Besar, Pengarah DBP Sabah memperkatakan perkembangan sastera arus perdana di Sabah, serta sastera etnik yang didokong oleh Pertubuhan Penulis Momogun Malaysia (MOMOGUNSIJA)

Pada sebelah malam, iaitu Malam Apresiasi

lebih menarik dengan pelbagai persembahan penulis etnik Sabah seperti nyanyian tradisional, puisi etnik, deklamasi puisi dan dendangan syair, di samping pelbagai jenis tarian seperti tarian kreatif KDM oleh pelatih IPG Kent yg beriring hiis, manuk-manuk lambukon dan berunsai dari Persatuan Etnik Sabah amat menarik sekali.

Penggiat sastera etnik seperti Raymond Majumah, presiden MOMOGUNSIJA, Kathrina Tati, Linah Bagu, dan aktivis seperti Masruh Siadik, dan lain-lainnya menghidupkan malam yang semarak dengan tradisi etnik Sabah itu.

Sebelum itu, peserta program juga berpeluang mendengar pengucapan puisi oleh Budayawan Negeri, Datuk Haji Ismaily Bungsu yang juga Pengerusi Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS).

Presiden Momogunsia, Dr Raymond Majumah juga mengucapkan setinggi-tinggi



DR RAYMOND



PUAN AMINAH



DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU



BACA PUISI: Datuk Haji Ismaily Bungsu turut membacakan puisi dalam majlis itu.

penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau kerana sudi merasmikan Seminar Sastera Etnik Serantau ) SPES2.0, Randau Sastera dan Malam Apresiasi Sastera.

Kesudian YB DSP Madius amatlah disanjung tinggi dan amat dihargai. Beliau juga berkata, bagi pihak persatuan beliau juga memohon sumbangan bantuan dana untuk



TERIMA KASIH: Dr Chong Ah Fook dari negara Brunei Darussalam menerima cenderamata daripada Dr Raymond.



CENDERAMATA: Dr Raymond menyampaikan cenderamata kepada Dr Wilson dari Kalimantan.

melaksanakan program dan juga bantuan untuk menerbitkan kertas-kertas kerja yang dibentangkan.

Beliau juga berharap agar DBP dapat membantu memberikan sokongan dari segi dana untuk membiayai program-program persatuan pada masa akan datang.

Dr Raymond juga melahirkan terima kasih kepada Dewan Bahasa Pustaka (DBP) Malaysia di Kuala Lumpur dan DBP Cawangan Sabah yang memberikan peluang kepada Momogunsia untuk melaksanakan program sastera.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau menggesa Momogunsia terus memperkasakan

penghasilan sastera etnik selain terus mengeratkan jalinan hubungan kerjasama dengan etnik etnik serumpuan di rantau ini.

Katanya, Sabah memiliki masyarakat pelbagai etnik yang sudah pasti memiliki kekayaan warisan tradisi yang belum diterokai dan Momogunsia haruslah mempergiatkan usaha melestarikan budaya dan sastera etnik.

Beliau juga meminta agar DBP terus membantu melestarikan bahasa, budaya dan sastera etnik di Sabah.

Tiga program yang dianjurkan oleh Momogunsia dengan kerjasama DBP KL dan DBP Sabah itu pastilah memberikan manfaat yang besar terhadap perkembangan sastera di negeri ini.



PESERTA: Antara peserta yang hadir dalam seminar itu.



PENULIS: Puan Darmata Matlan, Kim Duwa, antara penulis yang hadir.